



SIARAN MEDIA

ANGKASA TERUSKAN MISI TANAM SEJUTA POKOK DENGAN KERJASAMA PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI MELAKA

AYER KEROH, 27 JUN 2022- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) meneruskan agenda menanam sejuta pokok menerusi kempen 'Go Green Penanaman Pokok' Persatuan Pandu Puteri Malaysia Cawangan Melaka dengan Kerjasama ANGKASA dan Jabatan Perhutanan Negeri Melaka.

Kerjasama ini merupakan salah satu inisiatif yang digerakkan dalam misi melengkapkan 'Program Penghijauan Malaysia: Koperasi Prihatin Sejuta Pokok' sebagai sokongan kepada Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok 2021-2025.

Program telah berlangsung di Taman Botanical Ayer Keroh, Melaka telah disempurnakan perasmian oleh Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan, Tunku Soraya binti Almarhum Sultan Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah yang juga merupakan Timbalan Yang DiPertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia.

Anggota Lembaga ANGKASA, Dato' Haji Che Mohd Shukree Che Isa hadir mewakili Presiden ANGKASA turut bersama-sama Tunku dan barisan jawatankuasa Pandu Puteri Malaysia menanam sejumlah 230 batang anak pokok jenis Merbau di kawasan tersebut. ANGKASA turut menaja 30 batang anak pokok jenis Merbau, Melaka dan Merlimau dalam menjayakan program ini.

Wakil ANGKASA yang turut hadir ialah Pengerusi ANGKASA Negeri Melaka, Haji Ab. Rahim Md. Tawel dan Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Korporat ANGKASA, En. Halim Ibrahim.

Terdahulu Presiden ANGKASA merangkap Presiden ASEAN Cooperative Organization telah hadir sebagai tetamu khas ke Persidangan Pandu Puteri dan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-57, Persatuan Pandu Puteri Malaysia Tahun 2022 pada 26 Jun 2022 di Melaka International Trade Centre (MITC), Ayer Keroh Melaka.

Majlis perasmian Mesyuarat Agung tersebut telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agung, Tuanku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj. Baginda juga merupakan Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Malaysia. Majlis turut diserikan dengan pengurniaan Anugerah Persatuan Pandu Puteri Malaysia, Anugerah Asia Pasifik dan Anugerah Pandu Puteri Raja 2022.

**PENGURUS BESAR BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
MERANGKAP PEGAWAI KHAS KEPADA PRESIDEN
ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD
(ANGKASA) 27 JUN 2022**

MENGENAI ANGKASA

ANGKASA adalah Badan Apeks Gerakan Koperasi Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan untuk menyatukan dan mewakili koperasi di peringkat nasional dan antarabangsa. ANGKASA menjalankan khidmat teras seperti menyediakan khidmat potongan gaji kepada kakitangan kerajaan, badan berkanun, kelab, koperasi, dan kesatuan.

ANGKASA melaksanakan program transformasi perniagaan dan keusahawanan koperasi dalam sektor perniagaan yang berimpak tinggi seperti Kewangan, Pertanian dan Industri Asas Tani, Pemborongan dan Peruncitan, Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan, Perladangan, Hartanah dan Industri Binaan, Inovasi dan Teknologi serta Pembangunan Komuniti.

Sehingga bulan Jun 2021, ANGKASA sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang diiktiraf oleh kerajaan menaungi 14,657 buah koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu kira-kira 7.04 juta orang, jumlah modal syer/ yuran sebanyak RM16.3 bilion dan jumlah aset RM152.1 bilion. Perolehan gerakan koperasi mencatat sebanyak RM41.5 bilion sehingga 31 Disember 2020. (Sumber statistik: Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

ANGKASA telah menerima pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2015), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO/IEC 27001:2013) dan Sistem Pengurusan Anti- Bribery (ISO37001:2016). ANGKASA juga telah dianugerahkan Cyber Security Organization of The Year di bawah kategori Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO 27001:2013) pada tahun 2015.

Seiring dengan 51 tahun penubuhannya, ANGKASA akan terus memperjuangkan hak dan kepentingan gerakan koperasi serta komited untuk meneraju dan melaksana inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 agar institusi ini terus berdaya maju dalam menghadapi cabaran masa hadapan serta berperanan sebagai instrumen pengagihan ekonomi yang adil dan saksama demi kesejahteraan untuk semua.

Untuk maklumat lanjut mengenai ANGKASA, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan di talian

+603 78007800 atau e-mel kepada apex@angkasa.coop. Anda juga boleh melawati laman web kami di www.angkasa.coop dan berinteraksi dengan kami di akaun rasmi Facebook atau Twitter di [@ANGKASACoop](https://www.facebook.com/ANGKASACoop)

Untuk pertanyaan dan maklumat berkenaan media sila hubungi :

Halim Haji Ibrahim
Pengurus Besar
Bahagian Komunikasi Korporat
Merangkap Pegawai Khas Presiden ANGKASA
Tel. : +6016- 4580305 / +603 – 7884 6481
Faks : +603 – 7884 6489
E-mel : korporat.angkasa@gmail.com
www.angkasa.coop

KOPERASI MENYOKONG AGENDA

